

Program Kem Kesedaran Alam Sekitar diadakan di Bintulu



Gambar berkumpulan para peserta program KeKAS di Bintulu baru-baru ini.

KUCHING: Program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) telah diadakan di Bintulu pada 8 Ogos lalu sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Tahun 2023 Peringkat Negeri Sarawak

Menurut kenyataan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak, KeKAS dianjurkan bersama pihaknya dengan Jabatan Pendidikan Sarawak dan Petronas yang juga telah disempurnakan Timbalan Residen Bintulu Abang Zainuddin Abang Turkey.

Tema HASN tahun 2023 ialah 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama'. Tema ini dipilih bertujuan menanam sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan seluruh rakyat Malaysia.

"Antara lain ia bertujuan mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas selain menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar.

Juga, untuk mengiktiraf mereka yang telah memberi sumbangan signifikan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta membudaya dan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia itu melibatkan KeKAS yang mana golongan sasar terdiri daripada murid sekolah bagi meningkatkan penglibatan dalam usaha penjagaan alam sekitar di Sarawak.

Pada masa yang sama memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengawasan dan penjagaan alam sekitar melalui demonstrasi pengukuran kualiti air, pengurusan sisa menggunakan kaedah kompos serta pengurusan sisa e-waste dan plastik.

Selain itu, aktiviti-aktiviti interaktif pelajar melalui permainan dan persembahan bertemakan alam sekitar.

HASN disambut pada 21 Oktober setiap tahun dan dihadiri murid sekolah sekitar kawasan Bintulu serta guru pengiring.

Majlis itu turut dihadiri Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak John Rampai, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn Bhd Lawai Jok.

Juga, Pengurus Kanan, Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Petronas Carigali Sdn Bhd Sarawak Asset Khairul Za'im Mohamad Nor dan Pengurus Kanan, Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Kumpulan Syarikat Malaysia LNG Franky Budit Omar.